

05 NOV 2003

Abdullah-Kabinet (Bergambar)/I

ABDULLAH PERTAMA KALI Pengerusikan Mesyuarat Kabinet di Putrajaya

PUTRAJAYA, 5 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini buat pertama kali mempengerusikan mesyuarat Kabinet selepas mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada Jumaat lepas.

Beliau masuk ke Bilik Mesyuarat Kabinet di tingkat empat pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra di sini pada pukul 10 pagi.

Bilik berbentuk bujur memanjang itu dihiasai dengan langsir dan tiga candelier yang tergantung rendah di atas meja mesyuarat. Bilik mesyuarat itu berada satu tingkat di bawah pejabat Abdullah.

Abdullah pertama kali menggunakan pejabat Perdana Menteri pada Isnin yang sebelum ini digunakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sementara menunggu untuk Abdullah dalam bilik mesyuarat, para menteri nampak riang dengan mereka bergurau-senda antara satu sama lain.

Pada satu ketika, mereka menyanyikan lagu "Happy Birthday" selepas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz memberi bayangan yang beliau baru sahaja meraikan harijadinya.

Rafidah dilahirkan pada 4 Nov, 1943, di Selama, Perak.

Sebelum itu, Menteri-menteri menyertai Abdullah untuk sesi bergambar di lobi Pejabat Perdana Menteri.

Kelihatan segar dalam sut hitam dan tali leher merah, Perdana Menteri baru itu diapit oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

-- BERNAMA

MAM PR ITEM STORED AS: BF019 M54 00142 GB 05-11 1054 Abdullah Kabinet (Bergambar)/I ABD